

**A**PAKAH hadis yang menyatakan bahawa, ‘membaca surah Yasin pada malam Jumaat akan diampunkan dosa pembacanya’ adalah hadis sahih?

**JAWAPAN:** Menjadi amalan sebahagian besar masyarakat Islam di negara ini dan Nusantara untuk membaca surah Yasin pada Khamis malam Jumaat. Ada diriwayatkan beberapa hadis dalam perkara ini.

Walau bagaimanapun, setakat pengetahuan saya, hadis tentang ‘membaca surah Yaasin pada malam Jumaat akan diampunkan dosa bagi pembacanya’ bukanlah hadis yang kuat atau dalam istilah lain, tidak sahih.

Walau bagaimanapun, membaca surah Yasin adalah amalan mulia kerana ia adalah ayat-ayat al-Quran. Membaca satu huruf ayat al-Quran akan diberi ganjaran 10 pahala.

Ada dua sikap golongan umat Islam yang agak ekstrem pada pandangan saya:

**1** Terlalu mengutamakan bacaan surah Yasin pada setiap malam Jumaat.

# Kekeliruan amalan Yasin malam Jumaat

## Soal Jawab Agama

Bersama DR. MOHAMMAD NIDZAM ABDUL KADIR AL-JARUMI

Pensyarah di Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia dan pendakwah bebas. Kemusykilan boleh diajukan ke [nidium@yahoo.com](mailto:nidium@yahoo.com)


• Bagi golongan ini, tidak boleh membaca surah lain termasuk surah al-Kahfi yang jelas disebut dalam hadis. Juga tidak boleh diberi laluan kepada pengajuran majlis ilmu. Sikap ini wajar diubah.

Amalan membaca surah Yasin adalah sebagai aktiviti dan pengisian antara waktu maghrib sehingga isyak. Oleh itu, tidak sewajarnya diyakini bahawa wajib membaca surah Yasin pada setiap malam Jumaat.

**2** Menentang amalan membaca surah Yasin malam Jumaat

• Golongan ini menggunakan hujah tiada hadis sahih membaca surah Yasin pada malam Jumaat. Sikap ini juga wajar diubah.

Membaca Yasin adalah sebahagian daripada amalan membaca al-Quran. Pada masa sama tidak seharusnya digunakan hadis-hadis palsu dan dhaif (lemah) dalam mempromosi sesuatu amalan.



## Menghadiri sambutan tahun baharu

**A**PAKAH harus kita menghadiri majlis tahun baharu yang membawa budaya bertentangan dengan panduan Islam dan nilai ketimuran?

**JAWAPAN:** Hakikatnya dalam Islam, tiada keperluan untuk menyambut tahun baharu. Walau bagaimanapun ia sudah menjadi cuti umum seluruh dunia dan menjadi detik bersejarah kepada perubahan tahun, justeru diadakan satu sambutan

Ada beberapa perkara yang ingin saya sebutkan iaitu:

**1** Tiada tuntutan agama untuk menyambut tahun baharu. Maka, jika ia diadakan hanya sekadar aktiviti tahunan.

**2** Tiada keperluan untuk umat Islam berjaga lewat sehingga 12 tengah malam semata-mata menyaksikan bunga api. Alangkah lebih wajar jika aktiviti dapat diawalkan supaya masyarakat tidak lewat pulang ke rumah.

**3** Pengisian aktiviti. Ada

dipenuhi dengan acara bertentangan dengan syariat Islam dan nilai budaya Timur. Contohnya pesta minum arak, syabu, tarian separuh bogel dan sebagainya. Sungguh indah jika pengisian ini dipenuhi dengan majlis ilmu dan hiburan mendidik jiwa.

Dalam hal ini, pihak berkuasa sewajarnya mengambil langkah proaktif iaitu menganjurkan pengisian yang lebih sesuai dengan nilai Islam dan ketimuran.

## Bolehkah menipu?

**A**DA yang menipu untuk mendapat kepentingan tertentu. Adakah perbuatan menipu harus?

**JAWAPAN:** Apa jua jenis penipuan secara dasarnya adalah tidak harus. Contohnya

menipu hasil pendapatan untuk mendapatkan pembiayaan. Menipu sijil untuk mendapatkan kerja. Menipu kos kerosakan rumah untuk mendapatkan bantuan.

Semua perbuatan menipu bertentangan dengan Islam dan tidak harus dilakukan.

